

Menjaga gigi dan gusi bayi anda

Di bawah umur 18 bulan


Sekiranya bayi anda tidak suka giginya diberus, anda boleh cuba menjadikan masa memberus gigi lebih menyenangkan dengan menyanyikan lagu atau membiarkan bayi anda bermain mainan. Walaupun satu percubaan yang kecil untuk memberus gigi adalah lebih baik daripada tidak mencuba langsung, supaya bayi anda boleh belajar bahawa memberus gigi adalah sebahagian daripada rutin hariannya.

Dengan memulakan satu rutin awal memberikan bayi anda peluang terbaik untuk mempunyai gigi yang sihat.

Bilakah saya harus mula menjaga gigi bayi saya?



Sebaik sahaja gigi pertama bayi anda keluar, berusnyanya dengan lembut menggunakan berus gigi kecil yang lembut. Ataupun anda boleh mengelap dengan menggunakan kain pencuci muka yang lembap dan bersih. Berus atau lapkan gigi dengan air sehingga bayi anda berusia 18 bulan.



Malah sebelum gigi tumbuh, anda boleh mengelap gusi bayi dengan menggunakan kain pencuci muka yang lembap dan bersih. Cara ini boleh membantu bayi anda bersedia untuk memberus giginya.

Bilakah saya harus mula menggunakan ubat gigi?



Apabila bayi anda berusia 18 bulan, berus giginya menggunakan ubat gigi kanak-kanak yang rendah kandungan fluorida.

Berapa kerap saya harus memberus gigi bayi saya?




Memberus gigi pada waktu pagi dan malam sebelum tidur.





Memberus gigi pada waktu pagi dan malam sebelum tidur.

Menggunakan ubat gigi kanak-kanak rendah fluorida sebesar kacang pada berus gigi yang lembut.



Berus permukaan luar dengan bulatan lembut.



Seterusnya, berus permukaan dalam dengan bulatan lembut.



Gunakan pergerakan ke depan dan ke belakang yang ringan pada permukaan mengunyah, atas dan bawah.



Minta anak anda untuk meludahkan ubat gigi dan tidak berkumur dengan air.

Jangan berkumur kerana ubat gigi fluorida membantu melindungi gigi.

Bagaimana cara anda memberus gigi anak anda

18 bulan hingga 6 tahun

Petua:

- Pilih satu kedudukan di mana anda boleh melihat gigi anak anda. Cuba kedudukan berbeza yang sesuai dengan anak anda.
- Apabila anak anda semakin berdikari benarkan mereka cuba memberus gigi mereka sendiri. Selesaikan dengan memberus gigi mereka sendiri.
- Kanak-kanak memerlukan bantuan untuk memberus gigi mereka sekurang-kurangnya sehingga usia 8 tahun.

